

Headline **Padah duakan suami**
Date **25 Jul 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **1,4**
Article Size **418 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,020**
PRValue **36,060**



Padah duakan suami

Dapat HIV daripada kekasih lama

> Seorang wanita menuntut fasakh dengan alasan suaminya menjadi punca dia dijangkiti HIV. Bagaimanapun, pemeriksaan perubatan mengesahkan si suami bebas penyakit itu, sekali gus membongkar rahsia dia menduakan suami dengan bekas kekasihnya **lapor Muhd Izawan Baharin dan Sharifah Norfaezah Wan Ahmad Makki Mashor**

muka **4**

Fitnah makan diri

Isteri jalin hubungan sulit dapat jangkitan HIV

>>Oleh **Muhd Izawan Baharin**
dan **Sharifah Norfaezah Wan**
Ahmad Makki Mashor

am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Angkara cinta lama kembali bertaut, seorang wanita sanggup memfitnah suaminya sebagai penyebab dia menghidap HIV ketika membuat tuntutan fasakh (bercerai) di mahkamah syariah.

Semuanya bermula apabila wanita berusia 26 tahun itu dikatakan bertemu semula bekas teman lelakinya menerusi laman sosial facebook dan kembali menjalin hubungan.

Bagi menguatkan hujah tuntutan fasakhnya, dia merka cerita kononnya si sua-

Headline **Padah duakan suami**
Date **25 Jul 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **1,4**
Article Size **418 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,020**
PRValue **36,060**

mi menyebarkan HIV kepadanya.

Bagaimanapun, alasan itu umpama 'senjata makan tuan' apabila pemeriksaan perubatan mendapati si suami yang berusia 27 tahun itu bebas daripada sebarang penyakit berbahaya, sekali gus membawa kepada pembongkaran wanita terbabit dijangkiti HIV kerana melakukan hubungan seks dengan bekas teman lelakinya.

Pengerusi Sukarelawan Peguam Untuk Semua (SukaGuam), Datuk Khairul Anwar Rahmat berkata, suami +wanita terbabit merujuk kepada SukaGuam minggu lalu bagi mendapatkan pembelaan selepas difitnah isterinya.

"Pasangan itu baru berkahwin tidak sampai setahun dan belum dikurniakan cahaya mata. Selepas menerima aduan, SukaGuam merujuk lelaki itu kepada pakar

perubatan dan dia disahkan bebas daripada HIV atau se-

barang penyakit kelamin.

"Perkara ini sekali gus menunjukkan penyakit yang dideritai wanita itu sebenarnya disebabkan hubungan sulitnya dengan bekas teman lelaki," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Beliau berkata, suami itu kini sebaliknya memfailkan nusyuz ke atas isterinya kerana menderhaka dengan menjalinkan hubungan sulit dengan lelaki lain.

"Kita lihat bagaimana seorang isteri sanggup membuat tuntutan palsu di mahkamah semata-mata kerana bertemu semula dan kembali terikat dengan bekas kekasih.

"Masalah rumah tangga goyah akibat kemunculan orang ketiga bukan sesuatu yang baru, malah penggunaan laman sosial terutama facebook menyebabkan kejadian sebegini menjadi-jadi," katanya.

Menurutnya, kebiasaannya wanita cenderung meluahkan

rasa tidak puas hati atau marah terhadap suami di facebook tanpa menyedari ia membuka peluang kepada lelaki yang menjadi rakan sosial mendekatinya.

"Apabila kisah peribadi ditulis secara terbuka untuk tatapan umum sudah tentu ia mengundang pelbagai lagi soalan daripada rakan sosial dan ada pihak mula mengambil kesempatan sehingga terjadinya hubungan sulit," katanya.

Sehubungan itu, Khairul Anwar menasihatkan suami dan isteri supaya berhati-hati ketika menulis sesuatu yang terlalu peribadi di laman sosial kerana kesannya boleh meruntuhkan rumah tangga dan institusi kekeluargaan.



Selepas menerima aduan, SukaGuam merujuk lelaki itu kepada pakar perubatan dan dia disahkan bebas daripada HIV atau sebarang penyakit kelamin"

>Datuk Khairul Anwar Rahmat
Pengerusi Sukarelawan Peguam Untuk Semua

